

# PROCEEDING

# CiE-TVET

2019

**9<sup>th</sup> National Conference in Education**  
Technical & Vocational Education and Training

**20-21 AUGUST 2019**  
**POLITEKNIK BANTING**  
**SELANGOR**

**THEME:**  
**LEVERAGING TVET**  
**FOR A BETTER FUTURE**

# PROSIDING



9<sup>th</sup> National Conference in Education

Technical & Vocational Education and Training

**“ LEVERAGING TVET  
FOR A BETTER FUTURE”**

Anjuran



**Proceeding of the 9<sup>th</sup> National Conference in Education -  
Technical & Vocational Education and Training (CiE-TVET) 2019**

**eISBN: 978-967-11412-7-4**

Cetakan Pertama : November 2019

**Hakcipta Terpelihara**

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pusat Penyelidikan dan Inovasi Politeknik, Jabatan Pendidikan Politeknik. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

***Panel Penilai***

Dr. Mohd Norhadi Bin Muda  
Datin Seri Dr. Zainah Binti Othman  
Prof Madya Dr Wong Kung Teck  
Prof Madya Dr Mazura Mastura Muhammad  
Dr. Abdullah Atiq Bin Ariffin  
Dr Choong Chee Guan  
Dr. Fizatul Aini Patakor  
Dr. Kannan A/L Rassiah  
Dr. Khairunnisa Binti A. Rahman  
Dr. Logaiswari A/P Indiran  
Dr. Mohamad Siri Bin Muslimin  
Dr. Nor Hayati Fatmi Binti Talib  
Dr. Nurul Ajleaa Binti Hj Abdul Rahman  
Dr. Prasanna A/P Kesavan  
Dr. Rasmuna Binti Hussain  
Dr. Salwa Amirah Binti Awang  
Dr. Siti Rosminah Binti Md Derus  
Dr. Zamsalwani Binti Zamri  
Ts Somchai a/l Enoi

***Sidang Editor***

Rosmawati Binti Othman  
Ts Norisza Dalila Binti Ismail  
Mohamad Firdaus Bin Saharudin  
Adibah Hasanah Binti Abd Halim

**Diterbitkan oleh**

Politeknik Banting Selangor  
Jalan Sultan Abdul Samad,  
42700 Banting, Selangor  
<http://www.polibanting.edu.my>

Diterbitkan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Pendidikan Malaysia  
dengan kerjasama Politeknik Banting Selangor

EDU09

# Konsep Kendiri Multidimensi: Satu Kajian Dalam Kalangan Pelajar Semester Dua Politeknik Banting Selangor

Adibah Hasanah Binti Abd Halim<sup>1</sup>, Nor Hayati Fatmi Binti Talib<sup>2</sup>,  
Mohammad Nizar Bin Mahzir<sup>3</sup>

<sup>123</sup>Jabatan Pengajian Am , Politeknik Banting Selangor

Corresponding author: <sup>1</sup>adibahhasanah.halim@gmail.com, <sup>2</sup> yatifatmi17@gmail.com,

<sup>3</sup>mynizar85@gmail.com

## ABSTRAK

Konsep kendiri merupakan antara aspek penting yang dapat membantu seseorang individu supaya dapat menjalani kehidupan dengan lebih bermakna. Seseorang pelajar berpotensi untuk mencapai kesempurnaan kendiri apabila mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap diri sendiri. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat tahap konsep kendiri multidimensi pelajar semester dua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Banting Selangor dan juga bagi melihat hubungan antara konsep kendiri multidimensi dalam aspek kemampuan dan keluarga dengan akademik. Kajian dilaksanakan secara kuantitatif, menggunakan kaedah tinjauan dalam kalangan populasi pelajar semester 2 sesi Disember 2018 dengan menggunakan instrumen Mohammad Aziz et al (2014). Hasil daptan deskriptif secara keseluruhan menunjukkan bahawa terdapat satu aspek konsep kendiri multidimensi yang berada pada tahap yang sangat tinggi iaitu pada aspek keluarga, manakala pada tiga aspek lain iaitu sosial, perasaan dan fizikal pula berada pada tahap yang tinggi. Seterusnya bagi aspek kemampuan dan akademik pula berada pada tahap yang sederhana. Hasil analisis menggunakan Pearson Correlation mendapatkan terdapat hubungan positif yang kuat antara kemampuan dan keluarga dengan akademik. Hasil kajian ini diharap dapat membantu semua pihak dalam usaha meningkatkan tahap pembentukan kendiri yang positif bagi menjamin persekitaran yang cemerlang di politeknik.

**Kata Kunci:** Konsep Kendiri Multidimensi, Sosial, Kemampuan, Perasaan, Akademik, Keluarga, Fizikal

## 1.0 PENDAHULUAN

Konsep kendiri boleh didefinisikan sebagai penilaian seseorang ke atas dirinya sendiri atau bagaimana ia menganggap tentang dirinya sendiri sama ada secara positif atau negatif. Ia berkait rapat dengan perasaan kita terhadap kebolehan kita, perkara yang berlaku pada diri kita dan perkara yang akan berlaku pada diri kita. Dalam konteks pendidikan, pembentukan konsep kendiri merupakan suatu proses yang penting di samping penguasaan pelajar dalam bidang ilmu pengetahuan dan kemahiran. Pada masa kini, pembentukan konsep kendiri dalam kalangan pelajar amatlah membimbangkan. Kebanyakan pelajar mempunyai konsep kendiri yang rendah dan mereka juga terlalu pasif dan negatif yang boleh memberi kesan terhadap pencapaian akademik mereka. Menurut Zahara (2000), konsep kendiri yang positif dan motivasi pencapaian mempunyai perkaitan yang sejajar dengan pencapaian akademik. Adalah menjadi tanggungjawab semua pihak terutamanya warga pendidik agar membina generasi pelajar yang mempunyai konsep kendiri yang baik, berusaha ke arah menjadi insan kamil, mempunyai minda kelas pertama dan berketerampilan dalam pelbagai aspek (Noor Hayati Fatmi 2014).

Kaitan antara konsep kendiri dengan pencapaian akademik pelajar amat meluas dibincangkan. Kebanyakan kajian menyatakan bahawa konsep kendiri seseorang pelajar mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Antaranya, kajian yang dijalankan oleh Azizi dan Kamaliah (2006) terhadap 216 orang pelajar di tiga buah sekolah menengah sekitar Johor Bahru mendapatkan bahawa terdapat hubungan antara konsep kendiri dengan motivasi. Faizan Maisarah et.al, (2016) dalam kajiannya juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara konsep kendiri bukan akademik dengan pencapaian kursus. Walaubagaimanapun, dapatkan kajian Nurul Ezzati (2008) mendapatkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri keluarga dengan pencapaian akademik. Menurut beliau pencapaian akademik pelajar adalah lebih bergantung kepada usaha sendiri.

Kesimpulannya, konsep kendiri merupakan penilaian, persepsi atau tanggapan individu terhadap diri sendiri yang meliputi kepercayaan, sikap, nilai dan perasaannya. Penilaian, persepsi atau tanggapan terhadap diri yang diperoleh daripada pengalaman yang dilalui dan alam sekeliling boleh berlaku dalam bentuk positif maupun negatif. Dari kedua-dua jenis konsep kendiri tersebut, konsep kendiri positif merupakan matlamat dalam pembinaan dan pembentukan peribadi manusia.

## 2.0 PERMASALAHAN KAJIAN DAN PERSOALAN KAJIAN

Politeknik Banting Selangor (PBS) mempunyai pelajar seramai 1062 orang. Jumlah yang besar ini menunjukkan terdapat kepelbagaiannya kebolehan dan keunikannya tersendiri pada setiap pelajar. Kebolehan ini dapat membentuk tingkah laku yang positif sekiranya konsep kendiri yang positif berjaya dibentuk. Maklumat berkaitan tahap konsep kendiri multidimensi amat diperlukan dalam usaha memahami tahap konsep kendiri pelajar sekaligus dapat merangka pendekatan terbaik mengikut kemampuan dan keupayaan pelajar bagi menjamin persekitaran cemerlang di politeknik. Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap konsep kendiri multidimensi pelajar dan secara khusus seperti berikut:

1. Mengenaplasti tahap tahap konsep kendiri multidimensi pelajar semester dua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Banting Selangor.
2. Mengenalpasti hubungan antara konsep kendiri multidimensi dalam aspek kemampuan dan keluarga dengan akademik

## 3.0 METODOLOGI

Kajian ini adalah berbentuk tinjauan yang menggunakan pendekatan kuantitatif. Soal selidik digunakan untuk mengenal pasti tahap konsep kendiri multidimensi pelajar semester dua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Banting Selangor. Instrumen yang digunakan dalam kajian adalah terdiri daripada satu set soal selidik yang mengandungi bahagian demografi dan juga item soal selidik multidimensi dari sudut sosial, kemampuan, perasaan, akademik, keluarga dan fizikal yang diadaptasi dan diubah suai daripada kajian Mohammad Aziz et al (2014). Setiap item yang dibina diikuti dengan lima pilihan jawapan menggunakan skala Likert seperti jadual di bawah:

Jadual 1: Skala Likert 5 Mata

Kod Skala	Skala
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Kurang Pasti
4	Setuju
5	Sangat Setuju

Seramai 163 orang pelajar semester dua Politeknik Banting Selangor telah dipilih sebagai responden kajian. Soal selidik dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 22. Analisis yang digunakan ialah Ujian Korelasi Pearson. Jadual 2 di bawah

menunjukkan skala interpretasi yang digunakan bagi memerihalkan dapatan tahap secara deskriptif yang di ubahsuai daripada borang JPA penilaian prestasi 3/2002 borang penilaian prestasi tahunan kakitangan awam dan adaptasi Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (2006) sebagaimana berikut:

Jadual 2: Interpretasi nilai skor min

Skor Min	Interpretasi
1.00 – 1.80	Sangat Rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi

Kajian ini turut mengukur data menggunakan statistik inferensi. Statistik inferensi dalam kajian ini menggunakan korelasi Pearson. Jadual 3 menunjukkan nilai julat bagi kekuatan hubungan yang diadaptasi dari Cohen (1988).

Jadual 3: Nilai julat bagi kekuatan hubungan

Skor Min	Interpretasi
0.00	Tiada Hubungan
< 0.19	Sangat Lemah
0.20 – 0.39	Lemah
0.40 – 0.69	Sederhana
0.70 – 0.89	Tinggi
> 0.90	Sangat Tinggi

## 4.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### 4.1 Persoalan 1: Apakah tahap konsep kendiri multidimensi pelajar semester dua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Banting Selangor?

#### a. Sosial

Dapatan konsep kendiri multidimensi bagi aspek sosial diperincikan dalam Jadual 4 di bawah:

Jadual 4: Taburan Maklumbalas Responden Mengikut Frekuensi Min Dan Sisihan Piawai Bagi Konsep Kendiri Multidimensi Bagi Aspek Sosial

No Item	Pernyataan	Kekerapan (N=163)					Min	SP	Tahap
		STS 1	TS 2	KP 3	S 4	SS 5			
B1	Biasanya saya seorang yang ceria untuk didampingi	2	6	35	90	30	3.86	0.80	T
B2	Orang lain kelihatan tidak berminat bercakap dengan saya	1	14	60	63	25	3.59	0.87	T
B3	Saya seorang yang sangat pemalu	12	26	60	47	18	3.20	1.07	S
B4	Kebanyakan orang sukaikan saya	1	13	79	61	9	3.39	0.74	S
B5	Orang lain mengelakkan diri mereka daripada saya	-	10	67	49	37	3.69	0.89	T
B6	Ramai orang menjadikan saya bahan ketawa	4	13	51	59	36	3.67	0.98	T
B7	Saya tidak diterima oleh orang yang mengenali saya	-	13	42	64	44	3.85	0.91	T
B8	Kebanyakan orang berpendapat saya seorang yang menarik	1	11	72	67	12	3.48	0.75	T
B9	Orang lain seronok bersama dengan saya	-	9	43	81	30	3.8	0.79	T
B10	Pada kebanyakan masa saya rasa diri saya tidak dipedulikan	3	26	57	51	24	3.41	0.98	T
B11	Saya rasa rakan yang berlainan jantina tertarik dengan saya	11	43	68	30	11	2.92	0.99	S
B12	Tiada seorang pun yang ketawa apabila saya berjenaka	4	12	47	60	40	3.73	0.99	T
B13	Kebanyakan orang menghargai diri saya dengan seadanya	4	9	48	78	24	3.67	0.88	T

B14	Saya selalu berasa seperti diketepikan dalam banyak perkara	1	17	67	47	31	3.55	0.93	T
B15	Orang lain bercakap perkara tidak benar tentang saya	7	26	65	37	28	3.32	1.07	S
B16	Saya mempunyai ramai kawan	1	7	34	60	61	4.06	0.90	T
B17	Saya menghabiskan masa yang banyak dengan merasa kesepian	5	17	57	41	43	3.61	1.07	T
B18	Saya tidak pasti bagaimana untuk berkelakuan apabila bersama seseorang yang tidak saya kenali	14	30	65	38	16	3.07	1.07	S
B19	Orang lain memberitahu rahsia mereka kepada saya	6	15	58	66	18	3.46	0.98	T
B20	Orang lain mencari kesalahan saya	5	28	70	39	21	3.26	0.99	S
B21	Orang lain kelihatan tidak memberi perhatian kepada saya	-	18	81	45	19	3.39	0.83	S
B22	Saya mendapat banyak panggilan telefon daripada kawan-kawan	3	32	61	47	20	3.30	0.98	S
B23	Ramai orang memandang rendah terhadap saya	8	27	58	46	24	3.31	1.06	S
B24	Saya membiarkan orang lain membuli saya keterlaluan	5	5	21	40	92	2.10	0.94	R
B25	Orang lain perlu mengenali diri saya sebelum mereka menyukai saya	6	3	36	75	43	3.90	0.94	T
<b>KESELURUHAN</b>									<b>3.55</b> <b>0.40</b> <b>T</b>

Sumber: Data Lapangan

Dapatkan kajian daripada Jadual 4 di atas menunjukkan skor min tertinggi adalah dengan nilai min 4.06 iaitu bagi item ‘saya mempunyai ramai kawan’. Skor min terendah adalah pada item ‘saya membiarkan orang lain membuli saya’ dengan nilai min 2.10. Kebanyakkann item berada pada tahap interpretasi tinggi kecuali pada 9 item yang berada pada tahap sederhana. Konsep kendiri multidisiplin dalam aspek sosial keseluruhannya berada pada tahap tinggi iaitu 3.55 (SP=0.40). Dapatkan ini menunjukkan masih terdapat sebilangan pelajar yang memiliki konsep kendiri sosial yang sosial yang lemah. Pelajar-pelajar ini perlu diberi perhatian supaya mereka dapat meneruskan kehidupan sebagai pelajar dengan baik.

### b. Kemampuan

Dapatkan konsep kendiri multidimensi bagi aspek kemampuan diperincikan dalam Jadual 5 di bawah:

Jadual 5: Taburan Maklumbalas Responden Mengikut Frekuensi Min Dan Sisihan Piawai Bagi Konsep Kendiri Multidimensi Bagi Aspek Kemampuan

No Item	Pernyataan	Kekerapan (N=163)					Min	SP	Tahap
		STS 1	TS 2	KP 3	S 4	SS 5			
C1	Saya seorang yang jujur	1	4	41	96	21	3.81	0.70	T
C2	Terlalu kerap kali saya tersalah cakap sesuatu perkara	5	42	77	27	12	2.99	0.91	S
C3	Saya seorang yang terlalu malas	4	20	64	56	19	3.40	0.93	S
C4	Saya seorang yang pandai membuat kelakar	3	13	72	45	30	3.53	0.94	T
C5	Secara asasnya saya seorang yang lemah	8	41	49	42	23	3.19	1.11	S
C6	Saya merasa kebanyakkan orang menghormati diri saya	2	13	69	67	12	3.45	0.79	T
C7	Saya tidak pandai meluahkan pendapat saya	8	46	64	34	11	2.96	0.98	S
C8	Saya seorang yang tegas apabila saya perlu berbuat begitu	2	8	40	79	34	3.83	0.85	T
C9	Saya seorang yang bernasib tidak baik	4	16	56	54	33	3.58	0.99	T
C10	Saya sangat berkeyakinan diri	2	12	63	65	21	3.56	0.85	T
C11	Saya kelihatan tidak mempunyai kawalan terhadap kehidupan saya sendiri	-	12	65	51	34	3.65	0.89	T

C12	Saya kerap kali menangguhkan membuat perkara yang penting sehingga ia sudah kesuntukan masa	15	35	61	39	13	3.00	1.07	S
C13	Saya memberi alasan yang baik kepada orang lain untuk mereka mempercayai saya	5	17	61	66	14	3.41	0.90	T
C14	Saya tidak sebaik seperti mana yang sepatutnya saya jadi	15	54	65	18	11	2.73	1.00	S
C15	Saya tidak berdiam diri apabila saya perlu bertindak	2	5	41	93	22	3.79	0.76	T
C16	Saya seorang yang berjaya dalam kebanyakan perkara	2	16	89	48	8	3.27	0.75	S
C17	Saya mengendalikan hal peribadi saya dengan bertanggungjawab	2	8	44	88	21	3.72	0.79	T
C18	Saya kurang berfikiran waras	2	7	31	61	62	4.06	0.92	T
C19	Saya selalu kelihatan dalam keadaan bermasalah	3	14	51	56	39	3.69	0.98	T
C20	Saya boleh melakukan banyak perkara dengan baiknya	2	7	70	68	16	3.55	0.77	T
C21	Saya bukan seorang yang sangat pandai	15	63	51	25	9	2.69	1.02	S
C22	Saya seorang yang penakut dalam banyak perkara	4	29	63	42	25	3.33	1.01	S
C23	Orang lain percaya bahawa saya akan membuat sesuatu bersendirian	11	21	76	46	9	3.13	0.94	S
C24	Terlalu kerap kali saya membuat perkara yang bodoh tanpa berfikir	12	22	59	50	20	3.26	1.07	S
C25	Saya membazirkan wang secara bodoh	11	23	43	49	37	3.47	1.18	T
<b>KESELURUHAN</b>									
							<b>3.40</b>	<b>0.40</b>	<b>S</b>

Sumber: Data Lapangan

Dapatan kajian berkaitan konsep kendiri multidisiplin dalam aspek kemampuan dalam Jadual 5 di atas menunjukkan 14 item berada di tahap tinggi manakala 11 item di tahap sederhana. Secara keseluruhannya, konsep kendiri multidisiplin dalam aspek kemampuan berada pada tahap sederhana iaitu dengan nilai min 3.40 ( $SP=0.40$ ). Data menunjukkan bahawa pelajar memiliki konsep kendiri multidimensi yang sederhana bagi aspek kemampuan terutamanya dalam item ‘saya bukan seorang yang sangat pandai’ yang menunjukkan skor terendah iaitu nilai min 2.69. Tiga item yang terendah bagi aspek kemampuan adalah pada item meluahkan pendapat, kerap kali tersalah cakap sesuatu perkara dan juga merasakan diri mereka tidak sebaik yang sepatutnya. Jadual 4 memperlihatkan secara keseluruhannya pelajar semester dua memiliki konsep kendiri kemampuan yang sederhana. Kebanyakkan pelajar-pelajar ini kurang berkeyakinan terhadap kemampuan diri sendiri. Sikap rendah diri yang wujud dalam diri sebilangan pelajar perlu ditangani bagi memastikan pelajar-pelajar ini berjaya menonjolkan kebolehan masing-masing.

### c. Perasaan

Dapatan konsep kendiri multidimensi bagi aspek perasaan diperincikan dalam Jadual 6 di bawah:

Jadual 6: Taburan Maklumbalas Responden Mengikut Frekuensi Min Dan Sisihan Piawai Bagi Konsep Kendiri Multidimensi Bagi Aspek Perasaan

No Item	Pernyataan	Kekerapan (N=163)					Min	SP	Tahap
		STS 1	TS 2	KP 3	S 4	SS 5			
D1	Saya menikmati kehidupan saya	-	3	26	70	64	4.20	0.79	T
D2	Saya berasa takut kepada banyak perkara	7	28	78	90	20	3.17	0.99	S
D3	Terdapat banyak perkara yang ingin saya ubah tentang diri saya	-	6	14	74	69	4.26	0.76	ST
D4	Saya tidak mampu ketawa terhadap diri sendiri dengan begitu mudah	10	41	60	41	11	3.01	1.01	S

			3	11	51	58	40	3.74	0.96	T
D5	Saya bukan seorang yang gembira		6	7	34	72	44	3.87	0.98	T
D6	Saya bangga dengan diri saya		1	8	44	49	61	3.98	0.94	T
D7	Saya berasa saya seorang yang gagal		1	5	30	56	71	4.17	0.87	T
D8	Kehidupan saya adalah mengecewakan		6	9	27	80	41	3.87	0.97	T
D9	Saya gembira dengan diri saya seperti mana cara saya sekarang		11	21	62	51	18	3.26	1.04	S
D10	Saya terlalu emosional		1	11	48	83	20	3.67	0.80	T
D11	Saya mempunyai kawalan diri yang baik		6	21	59	49	28	3.44	1.03	T
D12	Saya selalu mengecewakan diri sendiri		1	4	51	66	41	3.87	0.83	T
D13	Kehidupan saya tidak stabil		3	5	39	76	40	3.89	0.87	T
D14	Saya mempunyai pandangan yang positif terhadap kehidupan		16	37	73	29	8	2.85	0.98	S
D15	Saya kerap kali keliru mengenai perasaan saya		6	34	49	44	30	3.35	1.11	S
D16	Kadang kala saya berasa tidak berharga		9	42	64	27	21	3.05	1.07	S
D17	Saya selalu rasa malu terhadap perkara yang telah saya lakukan		7	15	53	63	25	3.51	1.00	T
D18	Saya kerap kali berasa tidak berdaya		-	5	45	75	38	3.90	0.79	T
D19	Saya berasa disayangi		19	58	37	33	16	2.80	1.17	S
D20	Saya berharap saya boleh menjadi seseorang yang lain		3	13	36	64	47	3.85	0.98	T
D21	Saya berasa tidak selamat		-	5	56	67	35	3.81	0.81	T
D22	Saya seorang yang baik		28	32	55	33	17	2.84	1.19	S
D23	Saya tidak segembira seperti yang saya tunjukkan		-	6	53	69	35	3.82	0.81	T
D24	Saya biasanya sangat relaks		16	36	59	27	25	3.05	1.18	S
D25	Ada masanya saya tidak suka kepada diri sendiri							<b>3.57</b>	<b>0.49</b>	<b>T</b>
<b>KESELURUHAN</b>										

Sumber: Data Lapangan

Jadual 6 di atas menunjukkan taburan data pelajar berkaitan dengan konsep kendiri multidisiplin dalam aspek perasaan yang secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi iaitu 3.57 (SP=0.49). Skor min tertinggi adalah 4.26 berada pada tahap sangat tinggi bagi item ‘terdapat banyak perkara yang ingin saya ubah tentang diri saya’. Skor min terendah adalah 2.80 bagi item ‘saya berharap saya boleh menjadi seseorang yang lain’. 1 item berada pada tahap sangat tinggi, 15 item berada pada tahap tinggi dan 9 item berada pada tahap sederhana. Secara keleluhannya pelajar-pelajar ini memiliki konsep kendiri perasaan yang baik namun masih terdapat sebilangan pelajar yang memiliki penilaian yang negatif terhadap perasaan sendiri seperti perasaan tidak suka kepada diri sendiri, merasa diri seorang yang gagal dan juga merasakan kehidupan yang dilalui adalah mengecewakan. Pelajar-pelajar ini perlu diberi perhatian supaya perasaan negatif yang dirasai tidak merosakkan kehidupan mereka pada masa yang akan datang.

#### d. Akademik

Dapatan konsep kendiri multidimensi bagi aspek akademik diperincikan dalam Jadual 7 di bawah:

Jadual 7: Taburan Maklumbalas Responden Mengikut Frekuensi Min Dan Sisihan Piawai Bagi Konsep Kendiri Multidimensi Bagi Aspek Akademik

No Item	Pernyataan	Kekerapan (N=163)					Min	SP	Tahap
		STS 1	TS 2	KP 3	S 4	SS 5			
E1	Rakan sekelas biasanya suka idea saya	-	7	87	62	7	3.42	0.64	T
E2	Saya kerap kali berasa tidak bersedia untuk ke kelas	2	17	69	48	27	3.49	0.93	T
E3	Saya pandai dalam matematik	5	25	59	62	12	3.31	0.92	S
E4	Belajar adalah sukar bagi saya	2	24	75	47	15	3.30	0.87	S

E5	Saya biasanya menjawab dengan baik dalam ujian	-	20	88	50	5	3.25	0.70	S
E6	Saya berasa bangga dengan hasil tugas saya	2	5	39	93	24	3.81	0.76	T
E7	Saya menguasai dengan baik akademik berbanding kebanyakan rakan saya	5	29	99	26	4	2.97	0.79	S
E8	Saya menyelesaikan tugas dengan baik sebagaimana kebanyakan rakan saya	1	13	84	57	8	3.36	0.72	S
E9	Saya tidak dapat berfikir dengan pantas	8	47	58	38	12	2.99	1.00	S
E10	Saya berusaha lebih bersungguh-sungguh berbanding kebanyakan rakan saya	3	16	96	45	3	3.18	0.70	S
E11	Saya tidak faham mengenai banyak perkara yang saya baca	2	43	70	43	5	3.03	0.83	S
E12	Saya dapat belajar dengan senang	1	17	64	78	3	3.40	0.72	S
E13	Saya tidak pernah mempunyai idea yang baik	1	15	64	51	32	3.60	0.92	T
E14	Pensyarah-pensyarah saya suka perlakuan saya di dalam kelas	11	66	71	9	6	2.58	0.84	S
E15	Saya selalu merasa bodoh	2	32	34	52	43	3.62	1.11	T
E16	Kebanyakan pensyarah kelihatan suka pada saya	1	12	90	55	5	3.31	0.68	S
E17	Saya mempunyai tabiat belajar yang buruk	2	21	45	47	48	3.72	1.06	T
E18	Kursus-kursus yang diambil adalah mudah bagi saya	11	46	82	22	2	2.74	0.86	S
E19	Saya tidak selesa berada di politeknik	4	12	47	53	47	3.77	1.02	T
E20	Saya biasanya membuat kerja dengan bersungguh-sungguh	-	9	51	90	13	3.66	0.70	T
E21	Kebanyakan orang lebih suka bekerja dengan saya berbanding dengan orang lain	2	22	86	48	5	3.20	0.75	S
E22	Pensyarah saya mempunyai pandangan yang rendah terhadap diri saya	3	12	69	58	26	3.56	0.90	T
E23	Kebanyakan mata pelajaran adalah agak mudah bagi saya	2	54	87	18	2	2.78	0.70	S
E24	Saya bukan seorang yang sangat kreatif	10	39	71	41	2	2.91	0.88	S
E25	Saya sering kali merasa puas hati dengan kerja penulisan saya	2	5	66	77	13	3.58	0.73	T
<b>KESELURUHAN</b>							<b>3.30</b>	<b>0.37</b>	<b>S</b>

Sumber: Data Lapangan

Jadual 7 di atas menunjukkan taburan data pelajar berkaitan dengan konsep kendiri multidisiplin dalam aspek akademik yang secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana iaitu 3.30 ( $SP=0.37$ ). Item yang memiliki nilai min terendah adalah ‘pensyarah-pensyarah saya suka perlakuan saya di dalam kelas’ dengan nilai min 2.58. Hal ini menunjukkan penilaian pelajar terhadap penerimaan pensyarah terhadap diri mereka adalah agak rendah. Sikap ini akan menyebabkan sebilangan pelajar terbabit lebih gemar untuk menjauhkan diri dari berurus dengan pensyarah. Oleh itu, bagi mengatasi isu ini, komitmen dari semua pensyarah adalah diperlukan.

#### e. Keluarga

Dapatan konsep kendiri multidimensi bagi aspek keluarga diperincikan dalam Jadual 8 di bawah:

Jadual 8: Taburan Maklumbalas Responden Mengikut Frekuensi Min Dan Sisihan Piawai Bagi Konsep Kendiri Multidimensi Bagi Aspek Keluarga

No Item	Pernyataan	Kekerapan (N=163)					Min	SP	Tahap
		STS 1	TS 2	KP 3	S 4	SS 5			
F1	Ibu bapa saya mengambil berat tentang kegembiraan saya	-	2	15	73	73	4.33	0.69	ST
F2	Keluarga saya membuat saya rasa disayangi	1	2	18	48	94	4.42	0.78	ST
F3	Keluarga saya menyusahkan hidup saya	4	6	7	34	112	4.49	0.92	ST
F4	Dalam keluarga saya, kami mengambil berat antara satu sama lain	1	7	29	50	76	4.18	0.91	T
F5	Saya rasa dihargai oleh keluarga saya	2	-	21	50	90	4.39	0.80	ST
F6	Saya mendapat kegembiraan bersama dengan keluarga saya	1	2	12	50	98	4.48	0.74	ST
F7	Saya berharap saya boleh bertukar keluarga dengan individu lain	4	5	9	27	118	4.53	0.91	ST
F8	Ibu bapa saya berminat tentang diri saya	3	2	38	60	60	4.06	0.90	T
F9	Ibu bapa saya tidak mempercayai saya	3	9	25	49	77	4.15	0.99	T
F10	Keluarga saya adalah mesra dan prihatin	1	4	16	75	67	4.25	0.77	ST
F11	Ibu bapa saya tidak suka saya berada di sisi mereka	1	4	10	47	101	4.49	0.77	ST
F12	Ibu bapa saya membantu saya apabila saya memerlukannya	-	-	16	55	96	4.47	0.66	ST
F13	Saya adalah ahli yang penting dalam keluarga	-	6	36	62	59	4.07	0.85	T
F14	Ibu bapa saya bangga dengan diri saya	1	5	26	68	63	4.15	0.84	T
F15	Keluarga saya tidak memuaskan	2	4	12	29	116	4.55	0.83	ST
F16	Tiada satu pun yang saya lakukan dapat memuaskan hati ibu bapa saya	4	8	43	50	58	3.92	1.01	T
F17	Ibu bapa saya hadir ke acara-acara yang penting bagi saya	3	5	40	62	53	3.96	0.92	T
F18	Ibu bapa saya percayakan saya	2	1	26	70	64	4.18	0.81	T
F19	Saya bangga dengan keluarga saya	-	-	10	45	108	4.60	0.60	ST
F20	Ibu bapa saya mengambil berat tentang pelajaran saya	2	-	10	54	97	4.50	0.72	ST
F21	Keluarga saya adalah salah satu perkara yang paling penting dalam hidup saya	2	-	6	23	132	4.75	0.58	ST
F22	Ibu bapa menyayangi diri saya seadanya	2	-	8	38	115	4.63	0.63	ST
F23	Saya tidak tahu kenapa keluarga saya tinggal bersama	2	8	25	31	97	4.30	0.98	ST
F24	Ibu bapa saya mengambil berat tentang masa depan saya	2	-	11	36	114	4.60	0.72	ST
F25	Rumah saya bukan tempat yang menggembirakan	2	7	15	39	100	4.39	0.91	ST
<b>KESELURUHAN</b>								<b>4.35</b>	<b>0.55</b>

Sumber: Data Lapangan

Berdasarkan Jadual 8, skor min tertinggi adalah 4.75 bagi item ‘keluarga adalah salah satu perkara yang paling penting dalam hidup saya’ iaitu pada tahap sangat tinggi. Skor min terendah adalah 3.92 bagi item ‘tiada satu pun yang saya lakukan dapat memuaskan hati ibu bapa saya’. Konsep kendiri multidisiplin dalam aspek keluarga secara keseluruhannya berada pada tahap sangat tinggi iaitu 4.35

(SP=0.55). Walaubagaimanapun, masih terdapat sebilangan kecil pelajar yang merasa tersisih dalam keluarga sendiri. Dalam hal ini, ibu bapa sangat berperanan penting untuk menjalinkan hubungan yang baik dengan anak-anak supaya anak-anak ini lebih berkeyakinan terhadap diri sendiri.

### f. Fizikal

Dapatkan konsep kendiri multidimensi bagi aspek fizikal diperincikan dalam Jadual 9 di bawah:

Jadual 9: Taburan Maklumbalas Responden Mengikut Frekuensi Min Dan Sisihan Piawai Bagi Konsep Kendiri Multidimensi Bagi Aspek Fizikal

No Item	Pernyataan	Kekerapan (N=163)					Min	SP	Tahap
		STS 1	TS 2	KP 3	S 4	SS 5			
G1	Saya berasa sempurna	10	25	57	41	30	3.34	1.13	S
G2	Saya adalah seorang yang menarik	5	6	68	68	16	3.52	0.84	T
G3	Saya mempunyai bentuk badan yang buruk	2	11	57	57	36	3.69	0.93	T
G4	Apabila saya lihat pada cermin, saya suka apa yang saya lihat	2	5	45	73	38	3.86	0.85	T
G5	Saya sangat cepat berasa letih	16	23	69	32	23	3.14	1.17	S
G6	Saya mempunyai gigi yang kelihatan cantik	11	21	66	43	22	3.27	1.06	S
G7	Saya kelihatan cantik walau apa pun pakaian yang saya pakai	4	22	65	52	20	3.38	0.95	S
G8	Saya seorang yang hodoh	1	14	30	57	61	4.00	0.98	T
G9	Saya lebih kuat berbanding dengan kebanyakan orang	5	23	91	33	11	3.13	0.85	S
G10	Saya mempunyai bentuk badan yang menarik	6	23	65	56	13	3.29	0.94	S
G11	Saya seorang yang sihat	1	3	39	90	30	3.89	0.73	T
G12	Saya rasa puas hati mengenai penampilan diri saya	2	5	30	95	31	3.91	0.77	T
G13	Saya pandai dalam kebanyakan bidang sukan	8	10	64	58	23	3.48	0.97	T
G14	Saya tidak suka dengan pakaian yang dipadankan dengan diri saya	4	13	81	41	24	3.41	0.92	T
G15	Biasanya saya di antara yang terakhir dipilih untuk menyertai sukan berpasukan	9	24	64	50	16	3.24	1.00	S
G16	Saya mempunyai fizikal yang cergas	-	14	64	66	19	3.55	0.81	T
G17	Rambut saya tidak pernah kelihatan sangat menarik	6	26	57	45	29	3.39	1.06	S
G18	Saya mempunyai kulit yang menarik	3	26	71	46	17	3.29	0.92	S
G19	Saya tidak suka orang melihat susuk tubuh saya	26	53	58	18	8	2.56	1.04	R
G20	Terdapat beberapa bahagian badan saya yang saya tidak suka dilihat oleh orang lain	42	80	24	7	10	2.15	1.05	R
G21	Pakaian saya kelihatan sesuai dengan saya	-	2	43	85	33	3.91	0.71	T
G22	Saya tidak mempunyai tenaga untuk membuat lebih banyak perkara	-	27	68	46	22	3.38	0.91	S
G23	Berat badan saya adalah berat yang sepatutnya saya miliki	7	35	45	54	22	3.30	1.08	S
G24	Saya akan mengubah penampilan diri saya jika saya boleh lakukan	8	8	13	80	54	4.01	1.02	T
G25	Saya seorang yang bersopan santun	2	6	52	62	41	3.82	0.89	T
		<b>KESELURUHAN</b>					<b>3.43</b>	<b>0.48</b>	<b>T</b>

Sumber: Data Lapangan

Jadual 9 menunjukkan taburan data pelajar berkaitan dengan konsep kendiri multidimensi dalam aspek fizikal. Tahap konsep kendiri multidimensi dalam aspek fizikal keseluruhannya berada pada tahap tinggi iaitu 3.43 (SP=0.48). Dapatkan menunjukkan 12 item daripada 25 item berada pada tahap yang tinggi dengan skor min tertinggi 4.01 bagi item ‘saya akan mengubah penampilan diri saya jika saya boleh lakukan’. Skor min terendah adalah 3.13 bagi item ‘saya lebih kuat berbanding dengan kebanyakan orang’.

#### **4.2 Persoalan 2: Sejauhmana hubungan antara konsep kendiri multidimensi dalam aspek kemampuan dan keluarga dengan akademik?**

Perkaitan di antara konsep kendiri multidimensi dalam aspek kemampuan dan keluarga dengan akademik pelajar dapat dilihat pada Jadual 10 di bawah:

Jadual 10: Hubungan antara konsep kendiri aspek kemampuan dan keluarga dengan akademik

		KEMAMPUAN	KELUARGA
AKADEMIK	Pearson Correlation	.666**	.557**
	Sig. (2-tailed)	.000	.000
	N	163	163

Analisis hubungan antara konsep kendiri kemampuan dan keluarga dengan akademik telah dilaksanakan menggunakan Pearson Correlation berdasarkan skala interpretasi hubungan Cohen (1988). Hasil analisis mendapat, terdapat hubungan positif yang kuat antara kemampuan dengan akademik ( $r = .666$ ,  $n = 163$ ,  $p = .000 < 0.05$ ). Hubungan positif yang kuat juga dilihat pada aspek kendiri keluarga dengan akademik ( $r = .557$ ,  $n = 163$ ,  $p = .000 < 0.05$ ). Sehubungan itu, dapatkan menunjukkan bahawa aspek kendiri kemampuan dan keluarga mempunyai hubungan yang kuat dengan aspek kendiri akademik. Hubungan antara konsep kendiri kemampuan dan keluarga dengan akademik menunjukkan konsep kendiri kemampuan dan keluarga masing-masing memberi kesan sebanyak 66 dan 55 peratus kepada konsep kediri akademik pelajar. Hal ini bermaksud konsep kendiri akademik pelajar semester dua Politeknik Banting dapat ditingkatkan dengan peningkatan kendiri bagi aspek kemampuan dan keluarga. Sekiranya pelajar memiliki tahap kendiri yang tinggi dalam aspek kemampuan dan keluarga maka tahap keyakinan kendiri dalam akademik pelajar juga akan meningkat.

#### **5.0 RUMUSAN DAPATAN KAJIAN**

Berdasarkan kajian yang dijalankan dapatlah dirumuskan bahawa pelajar semester dua Politeknik Banting Selangor mempunyai konsep kendiri yang sangat tinggi iaitu pada aspek keluarga, pada tiga aspek lain iaitu sosial, perasaan dan fizikal pula berada pada tahap yang tinggi seterusnya bagi dua aspek lagi di tahap yang sederhana iaitu aspek kemampuan dan akademik. Pengkaji mendapat pelajar kurang memiliki keyakinan diri dalam aspek akademik dan kemampuan atau kebolehan diri sendiri. Penambahbaikan mungkin perlu difokuskan kepada aspek yang mendapat skor sederhana iaitu akademik dan kemampuan. Pelajar perlu diberi rangsangan dan pendekatan tertentu supaya mereka lebih bermotivasi terhadap diri sendiri.

Kajian ini dilaksanakan hanya melibatkan pelajar semester dua Politeknik Banting Selangor bagi aspek sosial, kemampuan, perasaan, akademik, keluarga dan fizikal. Terdapat beberapa aspek lagi yang belum ditelusuri yang boleh dilaksanakan dalam kajian-kajian lanjut menggunakan instrumen dengan item-item yang lebih terperinci. Kajian berkaitan konsep kendiri multidimensi pelajar juga boleh dijalankan ke atas pelajar-pelajar lain bagi mengenalpasti tahap konsep kendiri pelajar tersebut untuk memudahkan pihak-pihak yang terlibat merangka pendekatan terbaik terhadap pelajar dari semasa ke semasa.

## RUJUKAN

- Azizi, Y. & Kamaliah, N. (2006). Relationship Between Self-Concepts, Motivation Andparenting Styles Effected Student's Achievements. Unpublished articles, University Technology Malaysia.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006). Rancangan Malaysia ke-9. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Cohen, J.W. (1988). Statistical Power Analysis For The Behavioral Sciences (2nd edn). Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Faizan Maisarah, A. B., Nurul Adyani, C. D. & Azlina, A. (2016) Hubungan Antara Konsep Kendiri Dan Motivasi Dengan Pencapaian Pelajar Bagi Kursus Makroekonomi. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Social Sciences and Humanities*, Vol. 1, 2016
- Nurul Ezzati, A. (2008). Hubungan Antara Konsep Kendiri, Dimensi Personaliti dan Persekitaran Keluarga Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar SPA, SPE DAN SPJ. Tesis Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam). Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Nor Hayati Fahmi, T., Bani Hidayat, H., Jamil, A. and AB Halim, T. (2014). Hubungan konsep kendiri dan motivasi pelajar. *International Journal of Islamic Studies and Arabic Language Education*. Volume (1), No. 1: 1-10.
- Zahara. (2000). Hubungan antara konsep kendiri dan motivasi pencapaian dengan pencapaian dalam mata pelajaran Sejarah. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

# CiET-VET<sup>2019</sup>

**9<sup>th</sup> National Conference in Education  
Technical & Vocational Education and Training**

eISBN 978-967-11412-7-4



9 789671 141274

Diterbitkan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Pendidikan Malaysia  
dengan kerjasama Politeknik Banting Selangor